

Sumbangan Ilmuwan Hadis daripada Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU): Satu Analisis

Contribution of Hadith Scientists from Disabled People: An Analysis

KHAIRULNAZRIN NASIR
MUHAMMAD ARIF YAHYA
ABDUL RAHIM KAMARUL ZAMAN

ABSTRAK

Sejarah telah menunjukkan bahawa Orang Kelainan Upaya (OKU) banyak memberi sumbangan dalam menyebarkan dan mengembangkan ilmu pengajian hadis. Kelainan daripada aspek fizikal tidak menghalang golongan ini untuk memberikan sumbangan dalam pendidikan Islam khususnya dalam bidang hadis. Artikel ini membincangkan tentang sumbangan OKU dalam perkembangan ilmu pengajian hadis. Kajian ini bertujuan untuk menonjolkan dan membuktikan bahawa golongan OKU tidak ketinggalan daripada turut berkhidmat dalam lapangan akademik, sejak zaman awal Islam. Metodologi yang digunakan ialah menggunakan metode analisis dokumen terhadap buku-buku sejarah Islam, khususnya yang berkaitan dengan biodata perawi dan ulama hadis. Hasil kajian mendapati sejumlah tokoh yang banyak menyumbang dalam perkembangan ilmu hadis terdiri daripada golongan OKU, sama ada keabnormalan pada penglihatan, pendengaran atau kecacatan fizikal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perawi atau ulama hadis daripada golongan OKU telah berjasa besar dan memberikan sumbangan signifikan sama ada aspek dari ilmu hadis riwāyah atau dirāyah.

Kata kunci: Orang Kelainan Upaya; (OKU); Sumbangan Riwāyah; Dirāyah; Hadis

ABSTRACT

History has shown that People with the physical challenge (OKU) contributed much in spreading and developing the knowledge of hadith. The physical challenge does not prevent these groups from contributing to Islamic education especially in the field of hadith. This article discusses the contribution of the OKU in the development of hadith knowledge. The study aims to highlight and prove that disabled people are not left behind from serving in the academic field, since the early days of Islam. The methodology used is to use the method of analysis of documents on Islamic history books, especially those relating to biodata narrators and hadith scholars. The findings show that some figures that contribute significantly to the development of hadith knowledge consist of the disabled, either impaired eyesight, in sight, hearing or physical disability. The findings of the study show that the narrators or ulama of the OKU have contributed significantly to the aspect of knowledge of hadith riwāyah or dirāyah.

Keywords: Disability; OKU; Contribution Riwāyah; Dirāyah; Hadis

PENDAHULUAN

Islam, suatu agama yang dibina di atas ilmu dan amat menganjurkan umatnya menuntut ilmu dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang kesarjanaan. Tuntutan ini ditujukan kepada individu normal dan juga yang diuji dengan kecacatan dan kekurangan, atau lebih dikenali dengan Orang Kelainan atau Kekurangan Upaya (OKU). Realiti kehidupan telah mempamerkan sebahagian manusia dicipta oleh Allah SWT dalam keadaan cacat dan keabnormalan pada fungsi pendengarannya, penglihatannya, anggota badannya dan sebagainya.

Isu kebajikan OKU kerap menjadi polemik dalam kalangan masyarakat. Pelbagai prakarsa perdana dan inisiatif telah dilakukan oleh pihak kerajaan

untuk membantu golongan ini, sama ada dari segi kemudahan pekerjaan, pelajaran, infrastruktur dan kesihatan. Kerap kali dada-dada akhbar mencoret kejayaan golongan OKU, khususnya dalam bidang sukan, ekonomi dan pengajian tinggi.

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan kepada umum sumbangan golongan yang dianggap berlainan atau kurang upaya dalam kesarjanaan Islam dan akademik. Fokus penulisan ini tertumpu kepada sumbangan perawi dan tokoh ilmuwan dalam bidang hadis daripada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Kelompok kecil ini tidak ketinggalan dalam menghulurkan tangan untuk bersinergi, melakar jasa, dan menempa nama dalam bidang hadis, sama ada dalam aspek periwayatan, saringan, penilaian atau *fiqh al-hadith*.

Berdasarkan penelitian terhadap kitab-kitab sejarah Islam, khususnya yang merekodkan biodata-biodata *al-muḥaddithīn*, terdapat sejumlah besar tokoh dan sarjana daripada kalangan OKU terlibat secara langsung dalam medan ini, bermula daripada generasi awal daripada kalangan para sahabat Nabi Muhammad SAW sehingga berakhirnya zaman periwayatan hadis pada kurun ke-5 Hijrah.

DEFINISI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Sebelum pengkaji membicarakan lebih lanjut tentang fokus kajian, terdapat pelbagai terma yang digunakan untuk merujuk kepada definisi OKU, seperti Orang Kelainan Upaya, Orang Kurang Upaya (www.prpm.dbp.gov.my) Orang Istimewa, atau istilah yang lebih kontroversi iaitu orang cacat atau terencat. Dalam konteks ini, Definisi Orang Kelainan Upaya (OKU) mengikut Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya 2008:

OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat.

(Akta Orang Kurang Upaya Wilayah-wilayah Persekutuan 2008)

Dalam National Assistance Act, 1948 di Britain, OKU didefinisikan sebagai manusia yang tidak berupaya seperti orang buta, pekak atau bisu, atau mana-mana orang yang secara kekal atau sementara menjadi tidak upaya disebabkan oleh kesakitan, kecederaan atau ketidakupayaan yang berlaku kerana kecacatan yang ada sejak seseorang itu lahir lagi atau mana-mana ketidakupayaan yang dinyatakan oleh menteri. (Ab. Aziz Mohd Zin et al. 4).

Walaupun definisi OKU juga turut diinterpretasikan sebagai 'Orang Kurang Upaya,' namun tafsirannya sebagai 'Orang Kelainan Upaya' boleh dianggap lebih positif dan optimis. Penggunaan terminologi baru ini diketengahkan oleh bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak. Dalam rencana akhbar Utusan Malaysia (2012), beliau menyatakan golongan OKU ini wajar dilihat menerusi dimensi yang betul kerana yang berbeza bukanlah dari segi fizikal semata-mata. Namun, keupayaannya disebabkan oleh sesuatu sebab semula jadi atau kejadian yang tidak diinginkan. Mereka harus dinilai kebolehan mereka berasaskan kelainan keupayaannya yang berbeza dengan mereka yang dianggap sempurna. (Mohamad Abdullah 2018).

Dalam pada itu, terdapat beberapa pandangan lain berkaitan terminologi OKU. Zinaida Ariffin (2006) menjelaskan, OKU diertikan sebagai individu yang tidak berupaya menentukan sendiri sebahagian keperluan dirinya atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal ataupun mental dan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk meneruskan kehidupan mereka. (Zinaida Ariffin 2006, 3-4).

Kesimpulannya, OKU sama ada diertikan sebagai 'Orang Kurang Upaya' atau 'Orang Kelainan Upaya' adalah merujuk kepada fungsi individu seperti kelemahan fizikal, deria, kognitif, intelektual atau kesihatan mental. Justeru, ia adalah suatu keadaan yang dianggap mengurangkan fungsi atau ketidakupayaan (*disability*) seseorang jika dibandingkan dengan ukuran dan tahap keupayaan seseorang yang normal.

KATEGORI ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Orang Kelainan Upaya (OKU) boleh diklasifikasikan kepada kategori-kategori utama seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1;

OKU juga boleh dirumuskan sebagai kumpulan minoriti dalam masyarakat yang mengalami ketidakupayaan dari segi fizikal dan mental. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan golongan ini.

KEPRIHATINAN ISLAM TERHADAP GOLONGAN OKU

Antara tanda-tanda kebesaran Allah SWT, Dia telah menciptakan insan itu dengan pelbagai rupa, saiz, warna kulit, lisan dan bahasa, kekuatan pancaindera dan berbeza-beza. Semua itu adalah bukti tentang kekuatan, kebijaksanaan dan kesempurnaan iradat Tuhan dalam urusan-Nya mentadbir alam. Dengan maksud, tujuan dan hikmah, Allah SWT telah menjadikan segelintir manusia yang memiliki kekurangan pada fungsi pancaindera dan fizikal mereka. Asalkan seseorang itu bergelar insan, maka di situlah terletaknya suatu kemuliaan meskipun lahiriahnya tidak seperti insan lain.

JADUAL 1. Kategori Orang Kelainan Upaya (OKU)

Bil.	Kategori	Penjelasan
1	Kurang upaya penglihatan	Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh.
2	Kurang upaya pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.
3	Kurang Upaya Fizikal	Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan, kehilangan anggota, kelemahan otot-otot yang mengakibatkan mereka tidak dapat melakukan aktiviti asas.
4	<i>Cerebral Palsy</i>	Individu yang mengalami keadaan kekurangan (<i>impairment</i>) tanpa menjejaskan fungsi, contohnya kehilangan jari, mempunyai lebih jari (<i>polydactyly</i>) dan tidak ada atau tidak sempurna cuping telinga.
5	Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down, lembab dan kurang upaya intelektual. Kategori ini juga merangkumi keadaan yang menjejaskan kemampuan pembelajaran individu seperti Autisme (Autistic Spectrum Disorder), Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan masalah pembelajaran spesifik seperti (Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphia).
6	Lain-lain	Lain-lain ketidakupayaan seperti kanak-kanak istimewa.

Sumber: Portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Menurut Islam, kehilangan atau kekurangan pada fungsi pancaindera adalah salah satu bentuk ujian daripada Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Hal ini adalah proses bagi siapakah yang mampu menghadapi dan menerima dengan sabar dan reda terhadap ketentuan takdir. Hamba yang berjaya dalam ujian ini diganjar dengan pahala dan dibalas dengan syurga. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman Surah al-Baqarah ayat 155:

Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.

Dalam pada itu, terdapat sejumlah hadith Nabawi yang mengandungi khabar gembira kepada golongan yang sabar dalam menempuh ujian dalam hidup dan kekurangan, sama ada pada diri individu, keluarga dan hartanya. Antaranya, suatu hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

Sesungguhnya Allah telah berfirman: Apabila Aku menguji hamba-Ku pada dua kekasihnya, (iaitu kedua-dua belah mata), lalu dia bersabar, maka Aku akan gantikan bagi kedua-duanya dengan syurga.

(Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī, al-Jami' al-Sahih, Kitāb al-Marḍā, Bāb Fa'īl Man Dhahab Baṣāruh, no. hadith 5653).

Islam juga menganjurkan hak kesamarataan antara golongan manusia normal dan OKU. tiada unsur diskriminasi dan tiada tembok pemisah untuk mereka bergaul dan hidup bersama. Dalam al-Quran, surah al-Nur ayat ke 61 Allah SWT mengizinkan golongan kelainan upaya untuk makan bersama dengan orang normal di rumah-rumah mereka atau rumah yang lain. Penegasan dari al-Quran ini jelas meletakkan kebersamaan OKU di tengah-tengah masyarakat, sekaligus menjadikan golongan itu saksama dan tidak boleh didiskriminasikan dalam kehidupan.

Dalam pada itu, Islam tidak membebaskan golongan OKU dengan tanggungjawab yang tidak mampu dilakukan oleh mereka. Allah SWT berfirman Surah Al-Nūr ayat 61 dan al-Fatḥ ayat 17:

Tidak ada salahnya bagi orang buta dan tidak ada salahnya bagi orang tempang, dan tidak ada salahnya bagi orang sakit (jika masing-masing tidak menjalankan sesuatu perintah disebabkan keuzurannya menghendaki dia berlaku demikian).

Dengan menitikberatkan soal kelainan pada golongan OKU, Islam tidak membebaskan golongan ini dengan tugas dan tanggungjawab yang tidak

mampu atau sukar dipikul oleh mereka. Misalnya, mereka tidak dibebankan untuk menyertai jihad, namun Allah SWT tetap menjanjikan pahala untuk mereka. Hal ini jelas dinyatakan dalam firman-Nya Surah al-Nisa ayat 95:

Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) dari kalangan orang-orang yang beriman selain daripada orang-orang yang ada keuzuran dengan orang-orang yang berjihad (berjuang) pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwanya. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang kerana uzur) dengan kelebihan satu darjat dan tiap-tiap satu (dari dua golongan itu) Allah menjanjikan dengan balasan yang baik (Syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang atas orang-orang yang tinggal duduk (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu uzur) dengan pahala yang amat besar.

Sementara itu, Nabi Muhammad SAW juga telah menunjukkan teladan dalam memberi perhatian dan keprihatinan terhadap para OKU. Hal ini jelas apabila baginda berurusan dengan golongan OKU daripada kalangan para sahabat. Sepanjang penelitian terhadap Sirah Nabawi, keprihatinan Nabi Muhammad SAW terhadap golongan OKU boleh dirumuskan kepada aspek-aspek berikut;

1. Nabi Muhammad SAW telah melentur, membangunkan bakat dan menggunakan kelebihan yang ada pada golongan OKU. Kebiasaannya, mereka adalah insan unik, berbakat dan berkemahiran sendiri.

Abdullāh bin Ummi Maktūm, RA [m. 23 H/ 643 M] seorang sahabat yang cacat penglihatan telah diutus bersama Muṣ'ab bin 'Umayr RA sebagai pendakwah awal di kota Madinah sebelum peristiwa Hijrah. Beliau juga dilantik oleh Nabi Muhammad SAW sebagai muazin di Masjid Nabawi bersama Bilal bin Rabāh RA. Malah, Nabi Muhammad SAW telah melantik beliau sebanyak dua kali sebagai gabenor yang menjaga urusan di Madinah sewaktu baginda keluar berjihad. Baginda tidak akan berbuat demikian melainkan kerana faktor keilmuan, kepimpinan dan kewibawaan pada 'Abdullāh bin Ummi Maktūm. (al-Dhahabi 1985; 1, 360-365), (al-Zirikli 2002; 5, 83).

2. Nabi Muhammad SAW memahami emosi dan perasaan golongan OKU, kerana kelainan dan kekurangan berbanding manusia normal. Besar kemungkinan golongan ini mengalami tekanan perasaan, marah, bersikap ofensif dan kecewa dengan keadaan diri, yang mendorong mereka untuk bertindak agresif. Memahami emosi dan bertindak balas sewajarnya, adalah uslub paling

signifikan untuk berhadapan dengan situasi ini. Stigma atau ejekan orang sekeliling memberikan kesan negatif terhadap OKU. Berdasarkan kajian oleh Levin dan Van Laar (2006) dalam karya mereka yang berjudul "Stigma and Group Inequality: Social Psychological Perspectives," telah membuktikan betapa stigma mempunyai kesan yang besar dalam pelbagai aspek seperti kesejahteraan, harga diri, persepsi sendiri, identifikasi kumpulan, motivasi, prestasi kerja dan interaksi sosial (Levin & Van Laar 2006: 2), (Muhamad Nadhir Abdul Nasir & Rosila Bee Mohd Hussain 2016, 74-75).

Nabi Muhammad SAW pernah berhadapan dengan seorang buta, yang bertindak menghina baginda. Para sahabat yang bersama baginda tersinggung dan ingin mengambil tindakan terhadap lelaki berkenaan. Tindakan mereka dihalang oleh baginda dan tidak mempedulikannya. (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 1994, j. 3, 194). Nabi Muhammad SAW juga pernah menunaikan permintaan seorang buta supaya mendoakan agar Allah SWT mengembalikan penglihatannya (al-Albani menilai hadith ini Sahih di dalam Sahih Targhib, no 681).

3. Nabi Muhammad SAW memberi tumpuan kepada nilai dan kredibiliti sebenar yang ada pada golongan OKU. Baginda mengingatkan orang sekeliling tentang kelebihan yang ada pada golongan OKU, dan ia patut diberi perhatian dalam sudut pandang terhadap golongan OKU.

Abdullāh bin Mas'ūd r.a., seorang yang bertubuh rendah dan apabila berdiri, ketinggian beliau sama sahaja dengan mereka yang sedang duduk. Para sahabat pernah mentertawakannya, dengan keadaan kaki dan betisnya yang kecil, Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa nilai kaki itu lebih berat di sisi Allah SWT berbanding dengan bukit Uhud, sebuah bukit di Madinah. (Hadis ini riwayat Ahmad bin Hanbal dengan sanad daripada 'Ali bin Abī Ṭālib r.a., al-Musnad, Musnad 'Ali bin Abi Talib r.a., no hadis 920). Shu'ayb al-Arnauf menilai hadis ini sebagai *ṣaḥīḥ li ghayrih* (Ahmad bin Hanbal 2001, j. 2, 243).

Kesimpulannya, agama Islam tidak pernah mengabaikan golongan OKU dalam segala aspek. Islam menganjurkan penganutnya memberikan bantuan fizikal dan kewangan kepada semua golongan yang lemah, khususnya daripada kalangan OKU. Di samping itu, golongan ini tidak ketinggalan dalam mendapat pendidikan dan penghormatan. Terdapat

daripada kalangan mereka yang menjadi ulama Islam tersohor dalam pelbagai bidang dan ada yang menjadi pemimpin yang dikenang sehingga kini.

ANALISIS SUMBANGAN PERAWI HADITH DARIPADA KALANGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Sedia maklum bahawa di samping al-Quran, hadith juga diperturunkan daripada generasi awal kepada generasi terkemudian menggunakan metode periwayatan. Budaya ini berterusan sehingga hadith-hadith itu dihafal, dikumpulkan, disemak, disaring dan direkodkan dalam kitab-kitab hadith serta disampaikan kepada umum. Sejak dari awal perkembangan ilmu hadith, terdapat sejumlah tokoh ilmuwan dan perawi hadith daripada kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang turut memberikan sumbangan intelektual dalam lapangan ini. Ini adalah sebagai suatu terjemahan dan sahutan kepada saranan Nabi Muhammad SAW.

Imam al-Tirmidhī meriwayatkan daripada ‘Abdullāh bin Mas’ūd r.a., bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

Allah akan memberikan “Nadhrah” (keindahan) kepada seseorang yang telah mendengarkan ucapanku, lalu dia memahaminya, menghafalnya dan menyampaikannya, kerana berapa banyak para pembawa fiqh (kefahaman), ada yang lebih faham lagi darinya, boleh jadi seseorang pembawa fiqh (kefahaman) itu menyampaikan kepada orang yang lebih faham lagi darinya” (Hadis riwayat Imam al-Tirmidhi, al-Jami’, Kitāb Abwab al-‘Ilm, Bāb Mā Jā’ fī al-Hath ‘alā Tablīgh al-Samā’, No. Hadith 2658). Hadis ini dinilai sahih oleh al-Albani (al-Tibrizi 1985, 1:49).

Perawi dan tokoh ilmuwan hadith di kalangan OKU telah memberikan sumbangan dalam kesemua aspek yang melibatkan golongan normal sama ada pembelajaran, pengajaran, periwayatan, penghayatan dan sebagainya. Ia melibatkan semua bidang ilmu hadis Nabi SAW sama ada aspek *riwayah* ataupun *dirayah*. Perawi dan tokoh hadith di kalangan OKU begitu tekun mempelajari hadith dengan mendengarnya daripada tokoh-tokoh hadith yang terkenal. Mereka turut terlibat dalam diskusi-diskusi hadith bagi memantapkan hafalan dan kefahaman. Malah, sebahagian mereka menjadi tokoh-tokoh yang menguasai pelbagai bidang agama, di samping keserjanaan dalam ilmu hadith. Usaha-usaha signifikan ini telah membantu mengembangkan hadith kepada masyarakat sesuai dengan kedudukannya sebagai sumber penting Syariah Islam.

Berdasarkan kategori OKU yang telah dinyatakan sebelum ini, bahagian ini membincangkan tokoh perawi dan tokoh ilmuwan hadith yang terdiri

daripada kalangan mereka yang kurang upaya pada pendengaran, penglihatan, fizikal, *Cerebral Palsy* dan lain-lain.

TOKOH HADIS DARIPADA GOLONGAN KURANG UPAYA PENDENGARAN

Antara tokoh hadis yang mempunyai masalah pendengaran ialah Abān bin ‘Uthmān bin ‘Affān, [m. 105 H/723 M] seorang alim dan mahir dalam hadith di Kota Madinah pada zaman tabiin. Beliau adalah penulis ilmu Sirah yang terawal, dilantik menjadi gabenor selama tujuh tahun, kendatipun mempunyai kelemahan pada pendengarannya. Pada akhir hayatnya, beliau ditimpa penyakit lumpuh separuh badan. (al-Dhahabi 1985, 4, 351-353, al-Zirikli 2002, 1, 27).

Selain itu, Muḥammad bin Sīrīn [33-110 H/ 653-729 M], ulama Islam tersohor pada zaman tabiin. Kealaman beliau meliputi pelbagai bidang agama, khususnya bidang hadith. Beliau adalah tokoh pertama yang menitik beratkan aspek *naqd al-hadīth* (kritikan hadith). Beliau berpendapat bahawa tidak dibolehkan seseorang perawi melakukan pengolahan kepada teks hadith dengan menggunakan istilah-istilah lain. (Ibn Abd al-Hadi, 1996, 1, 151, al-Dhahabi, 1998, 1, 62, al-Zirikli, 2002, 6, 154).

Qālūn, ‘Īsā bin Mīnā al-Madanī [120-220 H/ 738-835 M] pula adalah ilmuwan yang terkenal dalam bidang al-qiraat. Namun, beliau turut meriwayatkan sejumlah hadith daripada para tabiin. Menjadi suatu keajaiban, dalam keadaan beliau yang pekak, tetapi mampu mendengar al-Quran. (al-Zirikli 2002: 5, 110).

TOKOH HADIS DARIPADA GOLONGAN KURANG UPAYA PENGLIHATAN

‘Abdullāh bin ‘Umar bin al-Khattāb al-Qurashī al-‘Adawī r.a. [10 SH-73 H/ 613-692 M], merupakan sahabat Nabi Muhammad SAW yang buta pada akhir hayatnya, namun mampu menduduki tempat kedua terbanyak selepas Abū Hurayrah r.a. dalam periwayatan hadith. Jumlah hadis yang diriwayatkannya seperti yang terdapat dalam Musnad Baqiy bin Makhlad ialah 2630 hadis. (al-Dhahabi 1985, j 3, 203-239, al-Dhahabi 1998, 1, 31, Ibn Abd al-Hadi 1, 92, al-Zirikli 2002, 4, 108). Beliau sangat menekankan aspek ketepatan hafalan (al-Dahabi 1085, 3, 213) banyak mengeluarkan fatwa dan menjadi rujukan orang ramai. (al-Baghawi 2000, 2, 475, al-Dhahabi 1985, 3, 221).

Sementara itu, ‘Abdullāh bin ‘Abbās r.a. [3 SH-68 H/ 619-687 M] yang juga digelar al-baḥr, ḥabr al-ummah dan turjumān al-Quran kerana keluasan ilmu, kekuatan hafalan dan berkemahiran dalam pelbagai bidang. Beliau dikelaskan dalam kalangan sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadith. Beliau juga kehilangan penglihatan pada akhir hayatnya. Ibn ‘Abbās r.a. telah meriwayatkan 10 hadith secara langsung daripada Nabi SAW, dan selebihnya menerusi perantaraan para sahabat yang lain. Menurut al-Dhahabi, jumlah hadith yang diriwayatkan oleh beliau ialah 1660 hadith. (al-Dhahabi 1985, 3, 359, al-Dhahabi 1998, 1, 33, Ibn Abd al-Hadi 1996, 1, 93, al-Zirikli 2002, 4, 95-96).

Selain itu, Jābir bin ‘Abdillāh al-Sulami al-Anṣārī r.a. [16 SH-78 H/ 607-697 M] turut kehilangan penglihatan pada akhir hayatnya. Beliau turut tersenarai dalam kalangan sahabat Nabi Muhammad SAW yang banyak meriwayatkan hadith, dan mengeluarkan fatwa di Kota Madinah. Menurut al-Dhahabī, jumlah hadith yang diriwayatkan oleh Jābir ialah 1540 hadith. (al-Dhahabi 1985, 3, 189-194, al-Dhahabi 1998, 1, 35).

Mufti Kota Madinah, ‘Ubaydullāh bin ‘Abdillāh bin ‘Utbah al-Hudhalī [m. 99 H/ 716 M], antara perawi hadith utama daripada ‘Ibn ‘Abbās r.a. dan tersenarai dalam *al-Fuqahā’ al-Sab’ah* di Kota Madinah pada zaman tabiin. Meskipun cacat penglihatan, beliau boleh menguasai pelbagai bidang ilmu, termasuklah hadith dan fiqh. Sanad riwayat al-Zuhrī daripada beliau daripada Ibn ‘Abbās termasuk dalam sanad-sanad yang paling sahih. (al-Dhahabi 1985, 4, 475-479, al-Dhahabi 1998, 1, 62, ‘Ibn ‘Abd al-Hādī (2011), 1, 153, al-Zarkalī (2002), 4, 195).

Di Kota Basrah pula terdapat Qatādah bin Di‘āmah al-Sadūsī [61-118] H/ 680-737 M], seorang tokoh dalam bidang Tafsir, penghafaz hadith terulung, dan perawi utama daripada Anas bin Mālīk r.a.. Beliau dilahirkan dalam keadaan buta, namun namanya dijadikan ikon, contoh dan perumpamaan kepada kekuatan hafalan. (al-Dhahabī (1985), 5, 269-283, al-Dhahabī (1998), 1, 92, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 195, dan al-Zarkalī (2002), 5, 189).

Tokoh dari Kota Kufah pula ialah Abū Ishāq al-Sabī‘ī, ‘Amr bin ‘Abdillāh al-Kūfī [33-127 H/ 653-745 M], seorang buta, ahli hadith pada zaman tabiin, dan perawi utama daripada al-Barā’ bin ‘Āzib RA. Malah, beliau adalah guru kepada tiga orang jaguh utama ilmu hadith, iaitu Sulaymān bin Mihrān al-A’mash, Sufyān al-Thawrī dan Shu’bah bin al-Ḥajjāj. (al-Dhahabī (1985), 5, 392-402, al-Dhahabī (1998), 1, 86, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 185, dan al-Zarkalī (2002), 5, 81).

Al-A’mash, Sulaymān bin Mihrān al-Kāhīlī al-Kūfī [61-148 H/ 681-785 M], mampu menjadi seorang tokoh besar dalam ilmu hadith, tafsir dan qiraat, kendatipun diuji dengan penglihatan yang rabun, sehingga beliau terkenal dengan gelaran *al-a’mash* iaitu seorang yang rabun. Beliau telah meriwayatkan sekitar 1300 hadith. (al-Dhahabī (1985), 6, 228, al-Dhahabī (1998), 1, 116, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 240, dan al-Zarkalī (2002), 3, 135).

Selain itu, Ḥammād bin Zayd al-Azdī [98-179H/ 717-795 M], penghafaz hadith terkemuka di Kota Basrah, dan dianggap setanding Imam Malik bin Anas di Hijāz, Sufyān al-Thawrī di Kufah, dan al-Awzā’ī di Shām. Beliau dikurniakan hafal yang kuat, walaupun buta pada akhir hayatnya. Dikatakan beliau telah menghafal 4000 hadith seperti menghafal Surah al-Ikhlāṣ. (al-Dhahabī (1985), 7, 456-466, al-Dhahabī (1998), 1, 167, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 336, al-Zarkalī (2002), 2, 271).

Salah seorang guru al-Imām Ahmad bin Hanbal, iaitu Yahya bin Sa’id al-Qaṭṭān [120-198 H/737-813 M] adalah pakar rujuk dalam ilmu al-jarḥ wa al-ta’dīl dan ilmu naqd al-ḥadīth. Beliau mengalami kecacatan pada bahagian mata, seperti juling. Ramai ilmuwan terkemuka dalam ilmu hadith seperti al-Imam Aḥmad, ‘Ali bin al-Madīnī dan Yahyā bin Ma’in menjadi murid kepada beliau. (al-Dhahabī (1998), 1, 218, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 431 dan al-Zarkalī (2002), 8, 147).

Tokoh terkenal, Imām al-Tirmidhī, ‘Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā [209-279 H/824-892 H], penulis kitab *Jāmi’ al-Tirmidhī*, salah satu karya dalam al-Kutub al-Sittah, yang mengumpulkan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Selain itu, beliau juga memiliki karya lain dalam bidang hadith seperti al-‘Ilal, al-Shamāil al-Muḥammadiyah dan lain-lain. Beliau diuji oleh Allah dengan kehilangan penglihatan pada akhir hayatnya. Menurut pendapat lain, beliau memang dilahirkan dalam keadaan buta. (al-Dhahabī (1985), 13, 270-277, al-Dhahabī (1998), 2, 154, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 2, 338. dan al-Zarkalī (2002), 6, 322).

Dalam pada itu, masih ramai lagi perawi-perawi *thiqah* yang cacat penglihatan seperti ‘Alqamah bin Marthad Abū al-Ḥarith al-Ḥaḍramī al-Kūfī [m. 120 H] (al-Dhahabī (1985), 5, 206) Yūnus bin Maysarah al-Jublānī [m. 132 H] (al-Dhahabī (1985), 5, 230) Mughīrah bin Miqsam, Abū Hishām al-Ḍabbī [m. 134 H] (al-Dhahabī (1985), 6, 10-13, ‘Ibn ‘Abd al-Hādī, Yūsuf bin Ḥasan al-Ḥanbalī (2011), 239), ‘Abd al-Azīz bin Ṣuhayb al-Bunānī [m. 130 H], (al-Dhahabī (1985), 6, 103-104) Ash’ath bin ‘Abd bin Jābir al-Azdī (al-Dhahabī (1985), 6, 274), ‘Ali

bin Mushir Abū al-Ḥasan al-Qurashī [m. 189 H], (al-Dhahabī (1985), 8, 484) Ishāq bin Yūsuf al-Azraq (al-Dhahabī (1985), 9, 171) Muḥammad bin al-Minhāl al-Baṣrī [m. 231 H], (‘Ibn ‘Abd al-Hādī (2011), 239) Hārūn bin Ma’rūf al-Ḍārīr [m. 231 H] (‘Ibn ‘Abd al-Hādī (2011), 257) dan lain-lain. Jelaslah bahawa cacat penglihatan tidak mengekang seseorang untuk menghafal, sementelahan realiti memaparkan golongan seperti mereka dikurniakan akal yang cerdas dan kekuatan daya ingatan.

TOKOH HADIS DARIPADA GOLONGAN KURANG UPAYA FIZIKAL

Kurang upaya fizikal merujuk kepada kehilangan atau kekurangan kepada fungsi anggota badan, atau kecacatan anggota. Terdapat sejumlah perawi dan tokoh ilmuwan hadith yang diuji dengan keadaan yang abnormal ini. Antara mereka ialah;

‘Abdullāh bin Mas’ūd r.a. [m. 32 H/ 653 M], sahabat Nabi Muhammad SAW yang terkenal dalam periwayatan hadith, ilmu qiraat, fiqh dan tafsir. Walaupun beliau memiliki fizikal yang lemah, kenit dan kurus, ia tidak menghalang beliau untuk menjadi pakar rujuk daripada kalangan sahabat. (Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 80, al-Dhahabī (1998), 1, 16, dan al-Zarkalī (2002), 4, 137).

‘Amr bin Akḥṭab Abū Zayd al-Anṣārī r.a., sahabat Nabi Muhammad SAW yang terkenal, berkaki tempang dan pernah menduduki Kota Basrah. Beliau telah meriwayatkan daripada Nabi SAW sejumlah hadith, yang dikeluarkan dalam kitab-kitab hadith melainkan Ṣāhīh al-Bukhārī. (al-Dhahabī (1985), 3, 473- 474, al-‘Asqalānī (1412 H), 7, 158).

Perawi hadith terkenal di kota Madinah, al-A’raj, ‘Abd al-Raḥmān bin Hurmuz al-Madanī [m. 117 H/ 735 M], seorang yang berkaki tempang, namun tidak menghalang beliau mahir dalam ilmu qiraat dan menjadi perawi utama serta paling banyak meriwayatkan hadith-hadith daripada Abū Hurayrah RA. (al-Dhahabī (1985), 5, 69-70, al-Dhahabī (1998), 1, 75 dan al-Zarkalī (2002), 3, 340).

Antara tokoh ilmuwan hadith yang memiliki kecacatan pada bahagian kaki ialah Sa’ḍ bin Abū ‘Arūbah Mihrān al-‘Adawī [m. 156 H/773 M], seorang penghafaz hadith terkenal di kota Basrah dan tersenarai antara tokoh terawal yang menyusun kitab hadith. (al-Dhahabī (1985), 6, 413, al-Dhahabī (1998), 1, 133, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, h. 276, dan al-Zarkalī (2002), 3, 98).

Selain yang telah dinyatakan, masih terdapat lagi perawi-perawi *thiqah* yang mengalami kecacatan pada anggota kaki, seperti Abū Hāzim Salamah bin Dinār

al-Makhzūmī [m. 140/ 757 M] (al-Dhahabī (1985), 6, 96) Kathīr bin Murrah al-Ḥaḍramī (al-Dhahabī (1985), 4, 46) Abū Sallām Mamṭūr al-Habashī (al-Dhahabī (1985), 4, 355) ‘Abd al-Ḥamīd bin ‘Abd al-Raḥmān bin Zayd bin al-Khattāb [m. 110 H], (al-Dhahabī (1985), 5, 149) dan Yazīd bin ‘Abdillāh al-Laythī [m 122 H] (al-Dhahabī (1985), 5, 266).

LAIN-LAIN KURANG UPAYA DALAM KALANGAN TOKOH HADIS

Dalam sejarah kesarjanaan Islam, terdapat seorang tokoh istimewa yang memiliki kepakaran dalam pelbagai bidang agama, khususnya fiqh, hadith dan tafsir iaitu ‘Atā’ bin Abī Rabāḥ [27-114 H/ 647-732 M]. Atā’ seorang yang fasih apabila berbicara. Namun, beliau telah diuji dengan pelbagai kekurangan pada fizikal, iaitu kulit yang hitam, buta sebelah mata, mempunyai fizikal yang lemah, berhidung pesek, kepalanya botak, berkaki tempang dan tangannya kudung. Pada akhir hayatnya, beliau telah kehilangan kedua-dua cahaya penglihatannya (al-Dhahabī (1985), 5, 78- 88).

Beliau adalah seorang ulama di zaman tabiin. Keilmuan beliau mendapat pujian daripada para sahabat dan tabiin pada zamannya seperti ‘Abdullāh bin ‘Abbās, ‘Abdullāh bin ‘Umar, Abū Ja’far al-Bāqir, Sa’īd bin Jubayr, Qatādah al-Sadūsi, Abū Ḥanīfah dan lain-lain. Kerajaan Bani Umayyah telah mengisytiharkan bahawa, “Tiada sesiapa yang layak memberikan fatwa semasa musim haji, melainkan ‘Atā bin Abī Rabāḥ.” (al-Dhahabī (1985), 5, 78-88, al-Dhahabī (1998) 1, 75, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 171 dan al-Zarkalī (2002), 4, 235).

Dalam pada itu, terdapat seorang lagi tokoh ilmu hadith yang mengalami pelbagai kecacatan pada fizikalnya. Beliau ialah Abū Qilābah, ‘Abd Allāh bin Zayd al-Jarmī [m. 104 H/722 M], seorang ahli ibadah dan ahli zuhud yang berasal dari Kota Basrah. Beliau telah meriwayatkan sejumlah hadith daripada Anas bin Mālik r.a. dan Mālik bin al-Ḥuwayrith r.a.. Pada akhir hayatnya, beliau mengalami kelumpuhan pada anggota badannya dan kehilangan penglihatan pada kedua-dua matanya. (al-Dhahabī (1998), 1, 72, Ibn ‘Abd al-Hādī (1996), 1, 184 dan al-Zarkalī (2002), 4, 88).

Sorotan daripada kajian biografi perawi-perawi hadith menunjukkan bahawa terdapat sejumlah perawi yang tergolong daripada kalangan OKU, sama ada kekurangan pada pendengaran, penglihatan, fizikal dan lain-lain. Dapatan kajian juga menunjukkan lapangan penglibatan mereka bukan hanya terhad kepada aspek hafalan dan periwayatan semata-mata,

malah menjangkau lapangan ilmu-ilmu hadith yang lain seperti *fiqh al-hadith*, *al-jarḥ wa al-ta'dīl*, *'ilal al-ḥadīth*, *naqd al-ḥadīth*, penulisan hadith dan sebagainya.

JADUAL 2. Aspek sumbangan ulama dan perawi OKU dalam ilmu hadith

No.	Aspek Sumbangan	Nama Tokoh
1.	Periwayatan hadith	'Abdullah bin 'Umar, 'Abdullah bin 'Abbās, 'Atā' bin Abī Rabāḥ, Abān bin 'Uthmān bin 'Affān, Muḥammad bin Sīrīn
2.	Penulisan kitab hadith	Imam al-Tirmidhī, Abān bin 'Uthmān dan Sa'id bin Abī 'Arūbah
3.	Penilaian perawi hadith (al-Jarḥ wa al-Ta'dīl)	Muḥammad bin Sīrīn, Yahyā bin Sa'id al-Qaṭṭān dan Imam al-Tirmidhī,
4.	Kefahaman hadith (Fiqh al-Ḥadīth)	'Abdullah bin Mas'ūd, 'Abdullah bin 'Umar, 'Abdullah bin 'Abbās, 'Atā' bin Abī Rabāḥ, Muḥammad bin Sīrīn,
5.	Penilaian status hadith (Naqd al-Ḥadīth)	Yahyā bin Sa'id al-Qaṭṭān dan Imam al-Tirmidhī,

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan menunjukkan kesungguhan para ulama dahulu dalam kalangan tokoh-tokoh hadis dalam menuntut ilmu dan memberikan sumbangan yang besar dalam pengembangan pengajian ilmu hadis walaupun memiliki kekurangan dan dikategorikan sebagai OKU. Sejarah kehidupan tokoh dan para ulama dahulu banyak yang boleh diambil pengajaran termasuk bagi golongan yang diuji dengan kelainan upaya dan kekurangan daripada aspek fizikal.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, meskipun komuniti OKU ini berada di posisi yang 'bergentayangan' antara sihat dan sakit, antara hidup atau mati dan antara di luar masyarakat atau sebahagian daripada masyarakat, dan kedudukan yang kabur (Barnes 1996: 51). Namun semua itu bukan halangan untuk mereka menceburkan diri dalam bidang akademik dan keserjanaan serta meraih kejayaan. Dengan nekad dan semangat yang tinggi membolehkan mereka duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan insan normal.

Kejayaan para ulama dan perawi hadith menjadi antara tamsilan nyata kejayaan mereka yang mempunyai keupayaan berbeza tetapi cemerlang. Bidang periwayatan dan pengajian hadith sama ada

aspek *riwāyah* dan *dirāyah* yang berkembang seiring dengan bidang-bidang Pengajian Islam lain tidak pernah mengetepikan bakat dan kelebihan yang ada pada OKU. Malah, sumbangan mereka diiktiraf dan nama-nama mereka tersemat dan diabadikan dalam catatan biografi ulama dan penghafaz hadith.

Era pendidikan moden hari ini turut mengiktiraf dan menghargai sumbangan OKU dalam pelbagai bidang. Kisah kecekalan tokoh-tokoh tersebut menggambarkan betapa kelainan keupayaan bukanlah halangan untuk beraya, jika kita benar-benar prihatin dengan nasib mereka yang berada di sekeliling kita. Masyarakat eksklusif hari ini perlu dididik dan disemai dengan nilai dan norma terpuji dalam pengurusan golongan OKU, seterusnya menjauhi pelbagai stigma sosial yang akhirnya memusnahkan potensi dan keupayaan orang kurang upaya itu sendiri. Justeru, terbitlah satu penegasan bahawa masyarakat yang sempurna itu adalah masyarakat yang di dalamnya ada golongan OKU yang bebas menjalani kehidupan tanpa dibatasi hanya kerana kecacatan atau kurang upayanya.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim
 Ab. Aziz Mohd Zin et al., Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya, 4.
 'Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Abd al-'Azīz al-Bahghawī. 2000. *Mu'jam al-Ṣaḥābah* ed. Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Jiknī, Kuwait: Dār al-Bayān.
 Aḥmad bin Ḥanbal, Abī 'Abd Allāh al-Imām. 2001. *Musnad Aḥmad* ed. Shu'ayb al-Arna'ut et. al, Beirut: Muassasat al-Risālah
 Ahmad al-Shirbāṣī .t.t. *'Ālam al-Makfūfīn*, Kaherah: Matba'ah Rawḍat Misr.
 Akta Orang Kurang Upaya (Wilayah-wilayah Persekutuan), 2008 (Akta No 685, 2008).
 Al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Ali. 1412 H. *Al-Iṣābah fī Tamayiz al-Ṣaḥābah* ed. 'Ali Muḥammad al-Bajjāwī, Beirut: Dār al-Jīl.
 Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din. 2000. *Sahih Targhib wa Tarhib*, Maktabah al-Maarif ; al-Riyad, 1, 428.
 Azman Ab. Rahman t.t. "Kedudukan Orang Kelainan Upaya (OKU) Sebagai Asnaf *al-Riqāb* di Malaysia," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Vol. 11*.
 Al-Baghawī, Abū al-Qāsim 'Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Abd al-'Azīz. 2000. *Mu'jam al-Ṣaḥābah* ed. Muḥammad al-Amīn bin Muḥammad al-Jiknī, Kuwait: Dār al-Bayān. Risalah.
 Barnes, C. 1996. "Theories of Disability and the Origins of the Oppression of Disabled People in Western Society." Dalam: L. Barton (ed), 1996. *Disability and Society: merging Issues and Insights*. New York: Pearson Education Inc.

- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. 1985. *Siyar A’lām al-Nubalā’* ed. Shu‘ayb al-Arnāūṭ, Beirut: Muassasah al-Rosālah.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. 1998. *Tadhkirat al-Ḥuffāz*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn ‘Abd al-Hādī, Abū ‘Abdillāh Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Hādī al-Dimashqī al-Ṣāliḥī. 1996. *Tabaqāt ‘Ulamā’ al-Ḥadīth* ed. Akram al-Būshī, Beirut: Muassasat al-Mohamad Abdullah, *Utusan Malaysia*, “Orang Kelainan Upaya atau Orang Kurang Upaya?” pada 1 April 2018, http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20120823/re_06/Orang-Kelainan-Upaya-atau-Orang-Kurang-Upaya.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1994. *Zad al-Maad fi Hady Khayr al-‘Ibad*, Muassasah al-Risalah: Beirut, 3, 194.
- Muhamad Nadhir Abdul Nasir dan Rosila Bee Mohd Hussain. 2016. “Stigma dalam Kalangan Mahasiswa Kurang Upaya di Sebuah Universiti di Malaysia,” *Jurnal Sarjana*, bil. 31, No. 2.
- Muḥammad ‘Ajjāj al-Khāṭib. 1967. *Uṣūl al-Ḥadīth ‘Ulūmuh wa Muṣṭalalahuh* (Dār al-Fikr al-Ḥadīth, Beirut.
- Muḥammad bin Ismā‘il al-Ju‘fi al-Bukhari. 1422H. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir, t.tp: Dar Tawq al-Najah, 7: 116
- Muḥammad bin ‘Īsā al-Tirmidhī. 1975. *Sunan ‘al-Tirmidhī* ed. Ahmad Shakir, Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi dan Ibrahim ‘Atwah, Mesir: Maktabah al-Babi al-Halabi, 5: 34
- Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Hādī al-Dimashqī al-Ṣāliḥī. 1996. *Tabaqāt ‘Ulamā’ al-Ḥadīth* ed. Akram al-Būshī, Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Portal rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2018. <http://www.jkm.gov.my/>, dirujuk pada 30 Januari 2018.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. 2018. dicapai 29 Januari 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kelainan+upaya&d=175768&#LIHATSINI>
- Rosmawati Sulaiman. 2008. Faktor-faktor Pendorong Golongan Orang Kurang Upaya.
- Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Uthmān. 1998. *Tadhkirat al-Ḥuffāz*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tibrīzi, Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Khaṭīb. 1985. *Mishkāt al-Maṣābiḥ* ed. Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1: 49.
- Yūsuf bin Ḥasan bin Aḥmad al-Ḥanbalī. 2011. *Tadhkirat al-Ḥuffāz wa Tabsirat al-Ayqāz* ed. Nūr al-Dīn Ṭālib, Damsyiq: Dār al-Nawādir, 239.
- Wan Sabri Wan Husin et al. 2013. Model Pembangunan Institusi Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa. The 3rd Annual International Quranic Conference, Centre of Quranic Research (CQR), 13-14 March 2013, Universiti Malaya.
- Al-Zirikli, Khayr al-Dīn bin Maḥmūd bin Muḥammad al-Dimashqī. 2002. *al-A’lām*, t.tp: Dār al-‘Ilm li al-Malayīn.
- Zinaida Ariffin. 2006. *Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya. Bentong*: Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir
Jabatan Usuluddin
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),
Kota Bharu, Kelantan
MALAYSIA.
khairulnazrin19@gmail.com.
- Muhammad Arif Yahya (Corresponding Author)
Pusat Akidah dan Keamanan Global
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
MALAYSIA.
arifyahya@ukm.edu.my.
- Rahim Kamarul Zaman,
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
abdulrahimkz51@gmail.com

